

## Penerimaan Hadis *Tafarrud* menurut Ahmad ibn Hanbal

### [*The Acceptance of Tafarrud Hadith according to Ahmad ibn Hanbal*]

Ahmad Zulkifli Yusof\* & Umar Muhammad Noor

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

\* Corresponding Author: Ahmad Zulkifli Yusof. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia. E-mail: [ahmadzyusof@student.usm.my](mailto:ahmadzyusof@student.usm.my).

---

#### Keywords:

*Mutaqaddimīn, 'Illah, Tafarrud, Ahmad ibn Hanbal, al-Muntakhab*

---

#### ABSTRACT

*The acceptance of tafarrud (single transmitter) by early hadith scholars constitutes the discussion of this article with a focus on Ahmad ibn Hanbal's hadith reception methodology. According to Ibn Rajab al-Hanbalī, ibn Hanbal and most other scholars considered tafarrud as a strong indication of hidden defects ('illah) in a hadith. Three important aspects were explained; the concept of tafarrud according to scholars, the prominence of Ahmad ibn Hanbal in hadith discourse, and his approach in cases pertaining to tafarrud. As a qualitative-based research, library research methodology was adopted. Data were mainly collected from al-Muntakhab Min al-'Ilal Li al-Khallāl, consisting a compilation of Ahmad ibn Hanbal's views, before inductively analysed for the purpose of determining the methodologies that were adopted by Ahmad ibn Hanbal in his acceptance of tafarrud. The research found that Ahmad ibn Hanbal did not accept tafarrud in hadith instantly. Instead, tafarrud was verified based on the existing qarā'in along the hadith transmission.*

---

#### Kata Kunci:

*Mutaqaddimīn, 'Illah, Tafarrud, Ahmad ibn Hanbal, al-Muntakhab*

---

#### ABSTRAK

Artikel ini secara umumnya mengkaji metodologi ulama hadis *mutaqaddimīn* dalam penerimaan hadis *tafarrud*. Dalam hal ini, kajian ditumpukan kepada Ahmad ibn Hanbal. Menurut Ibn Rajab al-Hanbalī, Ahmad dan kebanyakan ulama *mutaqaddimīn* menjadikan *tafarrud* sebagai tanda kewujudan 'illah padanya. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan tiga aspek utama, iaitu konsep *tafarrud* menurut ahli hadis, ketokohan Ahmad ibn Hanbal dalam ilmu hadis serta menganalisis metodologi beliau dalam penerimaan hadis *tafarrud*. Kajian ini berbentuk kualitatif dan dijalankan dengan menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Data kajian diambil daripada kitab *al-Muntakhab Min al-'Ilal Li al-Khallāl* yang mengumpulkan pandangan Ahmad bin Hanbal. Data tersebut seterusnya dianalisis secara induktif untuk mengeluarkan metodologi yang diamalkan oleh Ahmad ibn Hanbal dalam penerimaan hadis *tafarrud*. Hasil kajian mendapati Ahmad ibn Hanbal tidak menerima hadis *tafarrud* secara pukol rata. Sebaliknya, beliau mengesahkannya dengan penuh kehati-hatian berdasarkan kewujudan *qarā'in* yang terdapat pada hadis.

## 1. Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan wacana kritik hadis mutaakhir ini, topik tentang metodologi kritik hadis *mutaqaddimīn* menjadi salah satu topik yang hangat diperkatakan. Beberapa pengkaji semasa mengajukan pelbagai bukti untuk menunjukkan berlaku perbezaan ketara dalam metode kritik hadis yang diamalkan oleh ahli hadis *mutaqaddimīn* dan *muta'akhhirīn*. Menurut Ḥamzah al-Malyabārī (2001), pembahagian *mutaqaddimīn* dan *muta'akhhirīn* adalah berdasarkan metodologi mereka dalam menilai dan mengkritik hadis. Kalangan *mutaqaddimīn* ialah ahli hadis yang menilai kesahihan hadis dengan mengamalkan metode kritik yang melampaui penampilan zahir sanad, akan tetapi turut mengambil berat aspek *qarā'in* (faktor-faktor luaran) dan 'illah yang tersembunyi. Kajian mereka berasaskan kepada hafalan, kefahaman dan kepakaran dalam membuat penilaian dan kritikan. Manakala *muta'akhhirīn* pula adalah kalangan ahli hadis yang terlalu memberikan perhatian kepada zahir sanad dalam kritikan hadis dan terlihat kurang mengambil berat aspek 'illah dan *qarā'in*. Perbezaan metodologi yang diamalkan oleh kedua-dua aliran ini mengakibatkan kesan yang sangat besar dalam ilmu kritikan hadis. Hasil daripada perbezaan metodologi ini telah menyebabkan sebahagian hadis yang dinilai *ḍa'if* oleh sebahagian *mutaqaddimīn* dinilai sahih oleh sebahagian *muta'akhhirīn*, manakala hadis-hadis yang dinilai sahih oleh sebahagian *mutaqaddimīn* dinilai *ḍa'if* oleh sebahagian *muta'akhhirīn*. Menurut Umar Muhammad Noor (2016) antara tokoh terawal di kalangan pengkaji moden yang membangkitkan permasalahan ini ialah 'Abd al-Rahman bin Yaḥyā al-Mu'allimī. Setelah melakukan perbandingan antara metodologi kedua-dua kelompok tersebut, beliau menyimpulkan bahawa kalangan *muta'akhhirīn* mengamalkan kritik hadis yang *mutasāhil* berbanding kalangan *mutaqaddimīn* (al-Shawkānī, 1987).

Salah satu isu terpenting yang menjadi titik perbezaan metode kritik *mutaqaddimīn* dan *muta'akhhirīn* berkaitan dengan kaedah berinteraksi dengan *tafarrud*. Secara ringkasnya, *tafarrud* ialah di mana seorang perawi meriwayatkan suatu hadis tanpa sokongan perawi lain. Dalam menilai kesahihan hadis yang diriwayatkan secara *tafarrud* ini, kebanyakan ahli hadis *muta'akhhirīn* dikatakan menyalahi metode kritik yang diamalkan oleh ahli hadis *mutaqaddimīn*. Perkara tersebut dinyatakan oleh beberapa pengkaji terdahulu yang membincangkan topik ini, seperti 'Abd al-Jawād Hamām dalam *al-Tafarrud fī Riwayāt al-Ḥadīth wa Manhaj al-Muḥaddithīn fī Qabulih aw Raddih* dan Ibrāhīm bin 'Abd Allah al-Lāḥim dalam *Tafarrud al-Thiqah bi al-Ḥadīth*. Beliau juga mengumpulkan pandangan-pandangan para ulama *mutaqaddimīn* berkenaan hadis *tafarrud*.

Artikel ini bermaksud menyumbang kajian dalam perbahasan ini dengan mengkaji manhaj seorang ulama hadis *mutaqaddimīn* dalam penerimaan hadis *tafarrud*. Penulis sengaja memilih Aḥmad ibn Ḥanbal (m. 241 H) sebagai objek kajian memandangkan beliau adalah seorang ulama pakar kritik hadis dan diberikan julukan *Amīr al-Mu'minīn fī al-Ḥadīth* (al-Ṣuyūṭī, t.th.). Kajian secara kualitatif ini menumpukan kepada kritikan Aḥmad ibn Ḥanbal terhadap hadis-hadis *tafarrud* yang dinukilkan oleh Ibn Qudāmah al-Maqdisī dalam kitab *al-Muntakhab Min al-'Ilal li al-Khallāl*. Kritikan-kritikan beliau kemudiannya dianalisis secara induktif untuk mengeluarkan kesimpulan terhadap metodologi beliau dalam menilai dan menerima hadis-hadis *tafarrud*.

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Aḥmad ibn Ḥanbal menggunakan metodologi yang sangat berbeza dengan apa yang dibentangkan dalam sebahagian kitab Ilmu Hadis yang dikarang oleh sebahagian ulama *muta'akhhirīn*. Aḥmad ibn Ḥanbal sangat selektif dalam menerima riwayat *tafarrud* sekalipun ianya diriwayatkan oleh seorang perawi yang *thiqah*. Dalam menilai hadis *tafarrud*, beliau sangat memerhatikan kepada *qarā'ih* yang dapat menunjukkan keberadaan 'illah.

Kajian ini disusun kepada tiga perbincangan utama. Pertama, pengkaji menjelaskan konsep *tafarrud* menurut ahli hadis *muta'akhhirīn* dan semasa. Kedua, menghuraikan ketokohan Aḥmad ibn Ḥanbal dalam ilmu kritikan hadis. Ketiga, menganalisis metodologi Aḥmad ibn Ḥanbal dalam penerimaan hadis *tafarrud*.

## 2. Tafarrud menurut Ahli Hadis Muta'akhhirīn dan Semasa

*Tafarrud* secara bahasa merupakan kata nama dari kata akar *Farada*. Aḥmad ibn Fāris al-Rāzī (m. 395 H) (1979) berkata: "*Farada: al-Fā', al-Rā' dan al-Dāl merupakan kata asal yang ṣaḥīḥ yang menunjukkan seorang diri (al-Waḥdah).*" Manakala menurut al-Khalīl al-Farāhidī (m. 170 H) (t.th.): "*al-Fard merupakan kata nama Maṣḍar yang menunjukkan kepada kesendirian dan tidak mempunyai peneman.*" Firman Allah SWT dalam Surah Maryam ayat 80:

وَنَرْتُهُمْ مَا يَقُولُ وَيَأْتِينَا فَرْدًا

Maksudnya:

*Dan Kami akan warisi (harta benda dan anak-pinak) yang dikatakannya itu, dan ia akan datang kepada kami dengan seorang diri.*

Manakala dari sudut istilah, meskipun ianya merupakan satu istilah yang sering berlegar dalam karya-karya hadis namun tidak dijumpai perbincangan yang membincangkannya secara tersendiri dalam kebanyakan kitab-kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth muta'akhhirīn*. Sebaliknya, perbincangan *tafarrud* secara tersendiri hanya dapat dilihat melalui kajian beberapa tokoh semasa, antaranya oleh Ḥamzah al-Malyabārī, Ibrāhīm bin Abd Allah al-Lāḥim dan 'Abd al-Jawād Hamām.

Ibrāhīm al-Lāḥim (t.th.) dengan ringkas mendefinisikan *tafarrud* sebagai seorang perawi bersendirian meriwayatkan suatu hadis daripada gurunya yang tidak diriwayatkan oleh murid-murid lain guru tersebut. Manakala al-Malyabārī (2001) pula berkata: "Yang dimaksudkan dengan *tafarrud* ialah seorang perawi meriwayatkan suatu hadis tanpa disertai perawi lain dan dikomentari oleh pakar kritik dengan ungkapan "*ḥadīth gharīb*" (hadis ini asing) atau "*tafarrada bihi fulān*" (fulan telah bersendirian dengannya) atau "*hadhā ḥadīth lā yu'raf illā min hadhā wajh*" (hadis ini tidak diketahui melainkan melalui jalur ini) atau "*lā na'lamuh yurwā'an fulān illā min ḥadīth fulān*" (kami tidak mengetahui ianya diriwayatkan daripada fulan melainkan daripada hadis fulan) dan ungkapan yang seumpama dengannya."

Definisi *tafarrud* yang paling lengkap ialah definisi yang diberikan oleh 'Abd al-Jawād Hamām. Setelah melakukan penelitian terhadap penggunaan istilah *tafarrud* dalam beberapa karya hadis, (Hamām, 2008) mendefinisikan *tafarrud* sebagai "*hadis yang datang melalui jalur seorang perawi tanpa ada perkongsian riwayat oleh perawi lainnya samada pada asal ḥadīth atau pada sebahagian daripadanya, terdapat pertentangan ataupun tidak, terdapat penambahan pada matan atau sanad mahupun tanpa penambahan, diriwayatkan oleh perawi yang thiqah mahupun dibawah tingkat itu*". Daripada definisi ini, dapat disimpulkan bahawa perbincangan *tafarrud* merangkumi beberapa perbincangan sedia ada yang sering dibincangkan oleh para ulama dalam kitab-kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth* iaitu *Ziyādah al-Thiqah*, *al-Gharīb*, *al-Fard*, *al-Munkar* dan *al-Shādh*.

Menurut Hamām (2008), ahli hadis *muta'akhhirīn* dilihat telah mengabaikan aspek *tafarrud* dalam kritikan hadis, padahal ia merupakan satu aspek terpenting dalam perbincangan *'ilal*. Berbeza dengan kalangan *muta'akhhirīn*, ahli hadis *mutaqaddimīn* mengambil berat akan *tafarrud*. Menjelaskan perkara ini, Ibn Rajab al-Ḥanbalī (2014) berkata: "*Adapun kebanyakan huffaz muta'addimīn, sesungguhnya mereka berkata pada hadis yang berlaku tafarrud padanya dan tiada pertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi thiqah yang lain: "Sesungguhnya ianya tiada penyokong" dan mereka menjadikan perkara tersebut sebagai tanda kewujudan 'illah padanya.*" Manakala menurut Ibrāhīm al-Lāḥim (t.th.), dalam menyikapi hadis *tafarrud* berkata: "*Golongan muta'addimīn tidak akan berpada dengan memerhatikan zahir sanad dan matan. Sebaliknya mereka akan memerhatikan petunjuk-petunjuk luaran dan tersembunyi dalam menentukan kesahihan suatu hadis*". Hal ini adalah kerana dalam banyak keadaan, *tafarrud* menunjukkan kewujudan *'illah* dalam suatu hadis. Menurut Mohd (2019), metodologi ini secara tidak langsung menjadikan setiap perawi yang bertafarrud berpotensi untuk dita'likan meskipun ia dari kalangan perawi *thiqah*. Justeru itu, diperlukan sebuah kajian yang menjelaskan metodologi yang diamalkan oleh ulama *mutaqaddimīn* dalam menilai dan menerima hadis *tafarrud*.

### 3. Ketokohan Aḥmad ibn Ḥanbal

Abū 'Abd Allah Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal ibn Hilāl al-Dhuhlī al-Shaybānī merupakan seorang tokoh hadis yang lahir pada tahun 164 H di Baghdad. Beliau memulakan pengajian hadis ketika berumur 15 tahun dengan menghadiri majlis beberapa orang ulama Baghdad pada zamannya. Setelah kewafatan Hushaym, iaitu pada tahun 183 H, beliau mula keluar ke Kufah, Basrah, Mekah, Madinah, Yaman, Syam, Thaghur, Maghrib, Jazirah, 'Iraqayn, Faris, Khurasan dan lain-lain (al-Daqqār, 1999). Hasil pengajian semenjak usia muda dan pengembaraan ilmiah selama hampir 26 tahun, beliau telah bertemu dan mengambil hadis daripada hampir 430 orang guru sama ada lelaki ataupun perempuan (al-Kāfi, 2005). Menurut al-Dhahabī (2004), beliau meriwayatkan daripada hampir 290 orang guru dalam kitab *al-Musnadnya*.

Ketokohan Aḥmad ibn Ḥanbal dalam bidang hadis tidak dapat disangkal lagi apabila beliau telah dinobatkan sebagai *Amīr al-Mu'minīn Fi al-Ḥadīth*. Aḥmad Shākir, dalam komentarnya terhadap bait-bait *Alfiyah al-Ṣuyūfī* (t.th. : 92), berkata: "*Martabat Ahli Hadis yang paling tinggi ialah Amīr al-Mu'minīn Fī al-Ḥadīth. Tidak ada yang memiliki gelaran ini melainkan beberapa orang sahaja yang mana mereka ini merupakan dari kalangan para imam yang sangat menguasai bidang ini dan menjadi rujukan utama seperti*

*Shu'bah ibn Hajjāj, Sufyān al-Thawrī, Ishāq ibn Rāhūyah, Aḥmad ibn Ḥanbal, al-Bukhārī, al-Dāraqṭnī dan Ibn Hajar al-ʿAsqalānī dari kalangan muta'akhhirīn, semoga Allah meredai kesemua mereka.*" Keunggulan Aḥmad sehingga mendapat pengiktirafan tertinggi dalam Hadis boleh disimpulkan kepada dua faktor utama, iaitu: hafalan hadis yang banyak dan penguasaan 'ilal yang tinggi.

Dalam riwayat hadis, Aḥmad tidak berpeda dengan hanya mengumpulkan riwayat daripada ulama-ulama tertentu mahupun daripada kitab-kitab tertentu sahaja. Sebaliknya, beliau telah mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan hadis daripada perawi-perawi hadis yang dapat ditemuinya. Oleh kerana itu, dikatakan beliau telah memiliki riwayat sejuta hadis hasil daripada pengembaraannya selama 26 tahun ke pelbagai negara untuk bertemu ratusan perawi hadis. Diriwayatkan daripada anaknya, 'Abd Allah, beliau berkata: "Abū Zur'ah pernah berkata kepada saya: "Bapamu menghafal sejuta hadis." Lalu ditanya kepada beliau: "Dari mana kamu mengetahuinya?" Beliau menjawab: "Saya telah bermuzakarah kepada beliau lalu saya susun berdasarkan bāb" (al-Dhahabī, 2004). 'Alī ibn al-Madīnī berkata: "Tiada di kalangan kami yang lebih banyak hafalannya daripada Abū 'Abd Allah Aḥmad ibn Ḥanbal. Dikhabarkan kepada saya bahawa beliau tidak pernah menyampaikan hadis melainkan berdasarkan kitabnya. Beliau merupakan contoh teladan bagi kita." (Ibn al-Jawzī 1988). Ibn Abū Hātim berkata: "Saya bertanya kepada bapa saya mengenai 'Alī ibn al-Madīnī dan Aḥmad ibn Ḥanbal, manakah lebih hebat hafalan antara mereka?" Beliau menjawab: "Hafalan mereka hampir sama akan tetapi Aḥmad lebih faqih."

Penguasaan Aḥmad dalam 'ilal dan perawi hadis pula diwarisi daripada guru-guru beliau yang terkenal sebagai pakar 'ilal yang ulung, seperti Sufyān ibn 'Uyaynah (m. 198 H), 'Abd al-Raḥmān ibn al-Mahdī (m. 198 H) dan Yaḥyā ibn Sa'id al-Qaṭṭān (m. 198 H). Mereka adalah penyambung legasi 'ilal Shu'bah ibn Hajjāj (m. 160 H). Beliau mendampingi Ibn 'Uyaynah pada setiap pengembaraannya ke Mekah sebelum kewafatan Ibn 'Uyaynah pada tahun 198 H. Manakala beliau mula belajar kepada Ibn Mahdī pada pengembaraannya ke Basrah kali kedua pada tahun 190 H dan beliau telah belajar kepada Yaḥyā al-Qaṭṭān pada pengembaraannya ke Basrah kali ketiga pada tahun 194 H. Beliau mendampingi selama 6 bulan sebelum meneruskan pengembaraannya ke negara lain. Aḥmad ibn Shu'ayb al-Nasā'ī (m. 303 H) berkata: "Tidak ada pada zaman Aḥmad ibn Ḥanbal yang sehebat empat orang ini: 'Alī ibn al-Madīnī, Yaḥyā ibn Ma'īn, Aḥmad ibn Ḥanbal dan Ishāq ibn Rāhūyah. Yang paling mengetahui mengenai hadis dan 'ilal di antara mereka ialah 'Alī ibn al-Madīnī, yang paling mengetahui mengenai perawi ialah Yaḥyā ibn Ma'īn, yang paling menguasai hadis dan fiqah ialah Ishāq ibn Rāhūyah. Manakala Aḥmad ibn Ḥanbal pula menurut saya lebih banyak mengetahui 'ilal daripada Ishāq dan Aḥmad mengumpulkan pengetahuan mengenai hadis, fiqah, wara', zuhud dan sabar." (Ibn al-Jawzī, 1988).

Kehebatan Aḥmad ibn Ḥanbal dalam kritik hadis dan mengetahui 'ilal dapat dilihat melalui beberapa karya yang mengumpulkan pandangan beliau mengenai hadis-hadis yang mengandungi 'illah. Antara kitab yang masyhur mengumpulkan kritikan beliau, ialah kitab *al-Muntakhab Min al-'Ilal li al-Khallāl*. Kitab ini disusun oleh 'Abd Allah ibn Aḥmad bin Muḥammad al-Maqdisī atau lebih dikenali sebagai Ibn Qudāmah al-Maqdisī. Kitab ini pada asal merupakan kumpulan riwayat Aḥmad ibn Ḥanbal yang dinukilkan oleh murid-muridnya dan dikumpulkan oleh Abū Bakr al-Khallāl. Abū Bakr al-Khallāl telah mengumpulkan hadis-hadis yang dikritik mengandungi 'illah oleh Aḥmad ibn Ḥanbal ini daripada lebih 20 orang murid Aḥmad. Kemudian kitab ini disaring dan diolah kembali oleh al-Maqdisī. Ianya telah disusun berdasarkan bab tertentu. Setiap bab mengandungi beberapa hadis yang berkaitan dengan tajuk bab (Umar, 2005).

#### 4. Metodologi Aḥmad ibn Ḥanbal dalam Penerimaan *Tafarrud*

Setelah meneliti kitab *al-Muntakhab*, pengkaji menemukan sebanyak 19 hadis yang telah berlaku *tafarrud* padanya dan diberikan komentar oleh Aḥmad ibn Ḥanbal mengenai penerimaannya daripada keseluruhan 237 hadis. Berdasarkan penelitian tersebut, pengkaji juga mendapati bahawa *tafarrud* menurut Aḥmad ibn Ḥanbal tidak hanya tertakluk kepada hadis yang hanya mempunyai satu jalur sanad sahaja (*Fard Mutlaq*) bahkan ianya juga merangkumi hadis *Fard Nisbī*, iaitu hadis yang telah *tafarrud* padanya seorang perawi pada sebahagian jalur-jalur sanadnya. Dalam merujuk kepada fenomena *tafarrud* dalam sanad, Aḥmad menggunakan beberapa istilah tertentu, seperti *Munkar*, *Lā A'rif* (Saya tidak tahu), *Lā Yarwih Illā Fulān* (tiada yang meriwayatkannya melainkan Fulan), *Lā Yutābā* 'alayh (tiada sokongan bagi riwayatnya). Berdasarkan komentar-komentar tersebut, pengkaji membuat beberapa klasifikasi mengenai metodologi beliau dalam penerimaan hadis *tafarrud*.

Secara amnya, pengkaji dapat membahagi *tafarrud* yang berlaku dalam hadis kepada empat bahagian. Pertama, *tafarrud* yang dilakukan oleh perawi *thiqah*. Kedua, *tafarrud* yang dilakukan oleh perawi lemah. Ketiga, *tafarrud* yang dilakukan oleh perawi yang diperselisihkan statusnya. Dan keempat, *tafarrud* yang terdapat *ziyādah*. Dalam perbincangan berikut ini, pengkaji menganalisis penerimaan hadis yang berlaku *tafarrud* dalam keempat-empat bahagian tersebut.

#### 4.1 Hadis tafarrud riwayat perawi thiqah

Dalam penerimaan hadis *tafarrud* yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah*, pengkaji mengamati bahawa Ahmad ibn Hanbal tidak mensahihkan secara mutlak hadis tersebut. Sebaliknya, beliau mensahihkan hadis tersebut secara selektif. Sekiranya terdapat *qarā'in* yang menunjukkan keberadaan 'illah pada hadis tersebut, beliau akan menghukum *munkar* hadis tersebut walaupun perawinya *thiqah*. Menurut Tāriq Iwaḍ Allah (al-Maqdisī, 1998), lafaz *Munkar* di sisi Ahmad ibn Hanbal merujuk kepada hadis yang terdapat kesilapan padanya sama ada kesilapan tersebut berlaku pada sanad atau matan. Beliau menghukum sedemikian meskipun ianya diriwayatkan oleh seorang perawi *thiqah* dan tidak berlaku pertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi lain. Contohnya ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh Hafṣ bin Ghiyāth (al-Maqdisī 1998):

قال حنبل: حدثني أبو عبد الله: ثنا عبد الله بن أبي شيبَةَ: ثنا حفصُ بن غياث، عن الأعمش، عن أبي إسحاق، عن أبي الأحوص، عن عبد الله، قال: قال رسولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْإِسْلَامَ بَدَأَ غَرِيْبًا وَسِعُودَ غَرِيْبًا كَمَا بَدَأَ، فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ". قِيلَ: وَمَنِ الْغُرَبَاءُ؟ قَالَ: "النُّزَاعُ مِنَ الْقَبَائِلِ". قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: هَذَا حَدِيثٌ مُنْكَرٌ.

[Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, *Musnad 'Abd Allah ibn Mas'ud*, no. hadis 3784; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, *Bāb Mā Jā'a anna al-Islām Bada'a Gharīban*, no. hadis: 2629; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, *Bāb Bada'a al-Islām Gharīban*, no. hadis: 3988, hadis *da'if*]

Maksudnya:

Hanbal berkata: Abū 'Abd Allah memberitahu kepada kami: 'Abd Allah ibn Abū Shaybah memberitahu kepada kami: Hafṣ ibn Ghiyāth memberitahu kepada kami daripada al-A'mash, daripada Abū Ishāq, daripada Abū al-Aḥwas, daripada 'Abd Allah, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Islam itu bermula dalam keadaan asing dan ianya akan kembali dalam keadaan asing sepertimana ianya bermula. Maka beruntunglah bagi orang yang asing." Baginda ditanya: "Siapakah orang yang asing itu?" Baginda menjawab: "Orang yang memisahkan diri daripada kabilah-kabilah." Abū 'Abd Allah berkata: "Hadis ini *Munkar*."

Hafṣ bin Ghiyāth merupakan seorang perawi yang *thiqah* namun ingatannya menjadi lemah setelah menjadi Kadi (al-'Asqalānī 2000). Beliau telah bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada 'Abd Allah ibn Mas'ud, sedangkan riwayat-riwayat lain yang *Mahfūz* adalah daripada Sa'd, Ibn 'Umar, Jābir, Anas dan 'Abd Allah ibn 'Amrū. Al-Tirmidhī (2011) berkata: "Dalam bab ini, ada hadis lain daripada Sa'd, Ibn 'Umar, Jābir, Anas dan 'Abd Allah ibn 'Amrū. Hadis ini hasan ṣaḥīḥ gharīb daripada hadis-hadis Ibn Mas'ud. Sesungguhnya kami hanya mengetahui hadis ini daripada Hafṣ ibn Ghiyāth, daripada al-A'mash dan Abū al-Aḥwas ialah 'Awf bin Mālik ibn Naḍlah al-Jushamī. Hafṣ telah menyendiri dalam periwayatan ini."

Ahmad ibn Hanbal menilai riwayat ini sebagai *Munkar*, sekalipun Hafṣ adalah seorang perawi *thiqah*, kerana tiada yang meriwayatkan hadis ini daripada Ibn Mas'ud melainkan beliau sahaja, sekalipun hadis ini mempunyai *Shawāhid* daripada riwayat Sahabat yang lain. Apatah lagi beliau telah bersendirian meriwayatkan daripada al-A'mash yang merupakan *muhaddith* yang terkenal. Sekiranya hadis ini adalah benar diriwayatkan oleh al-A'mash, sudah pasti murid-murid al-A'mash yang lain akan turut meriwayatkan hadis ini daripadanya. Seterusnya, kritikan Ahmad menjelaskan penilaian *gharīb* al-Tirmidhī terhadap riwayat ini. Menurut pengkaji, hadis ini dinilai *hasan ṣaḥīḥ* oleh al-Tirmidhī kerana terdapat *shawāhid* lain yang *ṣaḥīḥ* bagi matan ini namun dinilai *gharīb* kerana Hafṣ telah bersendirian meriwayatkan daripada 'Abd Allah ibn Mas'ud. Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Ibrāhīm bin Sa'd (al-Maqdisī 1998):

أَحْبَرَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ الْأَشْعَثِ، قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ سَمِعَ عَنْ حَدِيثِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ سَعْدٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْأَثَمَةُ مِنْ قُرَيْشٍ". قَالَ: "لَيْسَ هَذَا فِي كِتَابِ إِبْرَاهِيمَ، لَا يَنْبَغِي أَنْ يَكُونَ لَهُ أَصْلٌ."

[Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, *Musnad Anas ibn Mālik*, no. hadis: 12307, 12900, hadis *da'if*]

Maksudnya:

*Sulaymān ibn al-Ash'ath mengkhabarkan kepada kami, beliau berkata: Saya mendengar Abū 'Abd Allah ditanya mengenai hadis Ibrāhīm ibn Sa'd daripada bapanya, daripada Anas daripada Nabi SAW: "Kepimpinan dari kalangan Quraysh". Ahmad berkata: "Hadis ini tidak terdapat dalam kitab-kitab Ibrāhīm. Hadis ini tiada asal".*

Menurut Abū Nu'aym (2003) meskipun matan hadis ini masyhur dan *thābit* daripada Anas namun hanya Ibrāhīm sahaja yang telah meriwayatkan hadis ini daripada bapanya, Sa'd. Al-Bazzār (al-Haythamī 1979) pula berkata: "Kami tidak mengetahui Sa'd meriwayatkan hadis ini daripada Anas melainkan melalui jalur sanad ini sahaja."

Meskipun Ibrāhīm dinilai seorang perawi yang *thiqah* oleh al-Dhahabī (2004), namun Ahmad menolak hadis ini kerana Ibrāhīm telah bersendirian meriwayatkan hadis daripada bapanya daripada Anas. *Tafarrud* beliau menjadi *qarīnah* kewujudan 'illah pada hadis tersebut kerana Ahmad bin Hanbal tidak mendapati hadis tersebut dalam buku-buku yang mengumpulkan hadis-hadis Ibrāhīm. Hal ini menunjukkan, kemungkinan beliau telah meriwayatkan hadis ini berdasarkan hafalannya lalu beliau telah tersilap. Apatah lagi bapanya Sa'd mempunyai murid yang ramai namun tiada yang meriwayatkan hadis ini selain Ibrāhīm (al-Mizzī, 1980). Justeru, ini menimbulkan keraguan dan menguatkan lagi *qarīnah* untuk menyatakan bahawa telah berlaku kesilapan dalam periwayatan hadis ini. Namun matan bagi hadis ini tidak ditolak kerana terdapat *shawahid* lain yang kuat daripada Abū Barzah (al-Shaybānī 2001). Oleh kerana itu, pengkaji menyimpulkan bahawa bila mana Ahmad bin Hanbal menilai suatu riwayat sebagai *munkar*, hal ini tidak bermakna beliau menolak keseluruhan *shawahid* bagi matan tersebut. Sebaliknya riwayat yang dihukum lemah hanyalah riwayat yang dibincangkan sahaja sekiranya matan tersebut memiliki riwayat lain yang *mahfūz*.

#### 4.2 Hadis tafarrud riwayat perawi lemah

Perbincangan tentang *tafarrud* perawi lemah melibatkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi lemah kerana buruk hafalannya, *Majhūl* (tidak dikenali), atau sebab-sebab yang lain. Penulis mendapati Ahmad bin Hanbal turut menghukum hadis-hadis ini sebagai *Munkar* sama ada berlaku pertentangan dengan hadis-hadis yang lain mahupun tidak. Beberapa hadis yang beliau hukum *munkar* terdapat dalam kitab *Musnad* karangan beliau. Perkara ini tidaklah kontradiktif dengan penilaian beliau terhadap hadis tersebut kerana tujuan penulisan *Musnad* bukan untuk mengumpulkan hadis yang sahih sahaja. Sebaliknya, kitab ini ditujukan untuk mengumpulkan hadis-hadis yang masyhur yang berlegar di sisi masyarakat (al-Jawzī 2004).

Contoh hadis *tafarrud Munkar* yang disebabkan oleh perawi yang *majhūl* ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh Duwayd al-Nasībī (al-Maqdisī 1998):

وحدثني أبو عبد الله: ثنا حسين بن محمد: ثنا دويد، عن أبي إسحاق، عن زرعة، عن عائشة، قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "الدنيا دار من لا دار له، ولها يجمع من لا عقل له." قال: هذا حديث منكر.

[Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, *Musnad al-Ṣadīqah 'Ā'ishah*, no. hadis: 24419, hadis *ḍa'īf*]

Maksudnya:

*Abū 'Abd Allah memberitahu kepada saya: Husayn ibn Muḥammad memberitahu kepada kami: Duwayd memberitahu kepada kami daripada Abū Ishāq daripada Zur'ah daripada 'Ā'ishah, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Dunia merupakan tempat tinggal bagi orang yang tiada tempat tinggal baginya. Orang yang mengumpulkannya hanyalah orang yang tiada akal." Ahmad berkata: "Hadis ini munkar".*

Permasalahan dalam hadis ini berpunca daripada Duwayd atau nama sebenarnya ialah Dawūd ibn Sulaymān al-Nasībī (al-'Asqalānī 1989). Menurut Tāriq 'Iwaḍ Allah, beliau merupakan seorang perawi *majhūl* yang tidak diketahui maklumat mengenai diri dan keperibadiannya (al-Maqdisī 1998 p.46). Duwayd telah bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada Abū Ishāq secara *Marfū'* dan telah bertentangan dengan apa yang telah diriwayatkan oleh 'Abd Allah ibn Numayr dan 'Anbasah ibn 'Abd al-Wahīd daripada Mālik ibn Mighwāl daripada 'Abd Allah ibn Mas'ūd secara *Mawqūf*, beliau berkata:

قَالَ ابْنُ مَسْعُودٍ: "الدُّنْيَا دَارٌ مَنْ لَهَا دَارٌ لَهُ، وَمَنْ لَمْ يَلِكْ لَهَا، وَلَهَا يَجْمَعُ مَنْ لَمْ يَلِكْ لَهُ"

[Al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān, al-Zuhd wa Qaṣr al-Amal*, no. hadis: 10142]

Maksudnya:

*Ibn Mas'ūd berkata: "Dunia merupakan tempat tinggal bagi orang yang tiada tempat tinggal baginya, harta bagi orang yang tiada harta baginya, orang yang mengumpulkannya hanyalah orang yang tiada akal."*

Contoh lain hadis perawi *majhūl* yang dinilai *Munkar* oleh Aḥmad ibn Ḥanbal ialah (al-Maqdisī 1998):

أخبرني عصمة: ثنا أبو عبد الله: ثنا حسين بن محمد، عن دويد، عن سلم بن بشير، عن عكرمة، عن ابن عباس، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "التقى مؤمنان على باب الجنة: مؤمن غني، ومؤمن فقير، كانا في الدنيا، فأدخل الفقير الجنة، وحبس الغني ما شاء الله أن يحبس، وأدخل الجنة، فلقيه الفقير فقال: أي أخي! ماذا حبسك؟ فوالله لقد احتبست حتى خفت عليك! فيقول: أي أخي! إنني حبست بعدك محبساً فظيعاً كريهاً" - فذكر الحديث. قال أبو عبد الله: "هذا حديث منكر".

[Aḥmad ibn Ḥanbal, *Musnad Aḥmad, Musnad 'Abd Allah ibn al-'Abbās*, no. hadis: 2770, hadis *ḍa'īf*]

Maksudnya:

*Ḫusayn mengkhabarkan kepada saya: Abū 'Abd Allah memberitahu kepada kami: Ḫusayn ibn Muḥammad memberitahu kepada kami daripada Duwayd daripada Salm ibn Bashīr daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata: "Rasulullah SAW bersabda: Dua orang mukmin berjumpa di hadapan pintu syurga: Sewaktu di dunia, seorang daripada mereka adalah kaya manakala seorang lagi adalah miskin. Lalu dimasukkan si miskin ke dalam syurga manakala si kaya pula telah ditahan dari memasukinya buat satu tempoh yang tertentu kemudian baru dimasukkan ke syurga. Lalu si miskin menjumpainya seraya bertanya: "Wahai saudaraku, apa yang menyebabkan engkau ditahan? Demi Allah, sesungguhnya engkau telah ditahan sehingga aku merasa bimbang ke atasmu." Lalu si kaya menjawab: "Wahai saudaraku, sesungguhnya aku telah ditahan selepas kamu dengan satu tahanan yang amat tidak menyenangkan dan tidak disukai" lalu beliau menyebutkan hadis dengan selengkapnya." Abū 'Abd Allah berkata: "Hadis ini munkar".*

Dalam hadis ini, Duwayd dan gurunya, Salm ibn Bashīr merupakan dua orang perawi yang *Majhūl* (al-Maqdisī, 1998). Tiada yang meriwayatkan hadis ini melainkan Duwayd daripada Salm ibn Bashīr. Oleh kerana itu, Aḥmad ibn Ḥanbal menghukumkan hadis ini sebagai *Munkar*.

Contoh lain hadis yang dihukum *Munkar* kerana perawi yang banyak melakukan kesilapan telah bersendirian dalam periwayatan ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh 'Ubays ibn Maymūn (al-Maqdisī 1998):

أخبرنا عبد الله، قال: سألت أبي عن حديث حدثنا به خلف بن هشام البزار: ثنا عبيس بن ميمون، عن ثابت، عن أنس، قال: سمعتُ نبيَّ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ أَقَامَتْ نَفْسَهَا عَلَى ثَلَاثِ بَنَاتٍ لَهَا إِلَّا كَانَتْ مَعِيَ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا"، وَأَهْوَى بِأَصْبِعِهِ، "وَأَيُّمَا رَجُلٍ أَنْفَقَ عَلَى ثَلَاثِ بَنَاتٍ أَوْ مِثْلِهِنَّ مِنَ الْأَخْوَاتِ كَانَ مَعِيَ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا"، وَأَشَارَ بِأَصْبِعِهِ. قَالَ أَبِي: هَذَا حَدِيثٌ مُنْكَرٌ.

[Aḥmad ibn Ḥanbal, *al-'Ilal wa Ma'rifat al-Rijāl*, no. hadis: 5951, hadis *ḍa'īf*]

Maksudnya:

*'Abd Allah telah mengkhabarkan kepada kami, beliau berkata: "Saya telah bertanya kepada bapa saya mengenai hadis yang diceritakan kepada kami oleh Khalaf ibn Hishām al-Bazzār: 'Ubays ibn Maymūn memberitahu kepada kami daripada Thābit daripada Anas, beliau berkata: "Saya mendengar Nabi SAW*

bersabda: “Mana-mana perempuan yang membesarkan tiga orang anak perempuannya, adalah dia akan bersama saya di syurga seperti ini.” Baginda menunjukkan isyarat jarinya. “Mana-mana lelaki yang memberikan nafkah kepada tiga anak perempuannya atau daripada saudara perempuannya, adalah dia akan bersama saya di syurga seperti ini.” Baginda menunjukkan isyarat dengan jarinya.” Bapa saya berkata: “Hadis ini munkar”.”

Abū ‘Ubaydah ‘Ubays ibn Maymūn telah bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada Thābit. Menurut al-Dhahabī (1995) Yahyā ibn Ma‘īn dan Abū Dawūd menilai beliau sebagai seorang perawi yang lemah, manakala Aḥmad dan al-Bukhārī pula menilainya sebagai *Munkar al-Hadīth*. Tambahan daripada itu menurut Ibn Hibbān (2000) pula beliau sering meriwayatkan hadis-hadis yang dipalsukan daripada perawi *thiqah* kerana menyangka ianya adalah *ṣahīḥ*. Oleh kerana itu, Aḥmad ibn Ḥanbal telah menilai hadis ini sebagai *Munkar* kerana *tafarrud* ‘Ubays tidak dapat dipertimbangkan untuk diterima.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa lafaz *Munkar* yang digunakan oleh Ahmad bukan sahaja menunjukkan bahawa hadis tersebut *tafarrud* bahkan ianya juga memberikan indikasi bahawa beliau menghukum lemah hadis tersebut. Penggunaan lafaz *Munkar* untuk melemahkan suatu hadis juga turut digunakan oleh ulama lain seperti Muslim ibn Hajjaj. Beliau berkata: “*Begitu juga dengan perawi yang kebiasaan hadisnya dihukum sebagai Munkar atau Ghalat, kami menahan diri daripada hadis-hadis mereka*” (Muslim 2003). Hal ini sesuai seperti apa yang dirumuskan oleh sebahagian penulis kitab Ilmu Hadis bahawa hadis *Munkar* termasuk hadis-hadis yang lemah. Walau bagaimanapun, menurut Ibrāhīm al-Naḥḥās (2009), Aḥmad ibn Ḥanbal didapati membina hukum fiqah mazhabnya berdasarkan hadis-hadis yang dinilai *Munkar* oleh beliau sendiri. Hal ini menunjukkan hadis *Munkar* masih boleh diamalkan di sisi Imam Aḥmad meskipun sebahagian ulama menyatakan bahawa hadis *Munkar* tidak dapat dijadikan hujah dan tidak dapat diamalkan (al-Indūnīsī, 2018).

#### 4.3 Hadis tafarrud riwayat perawi diperselisihkan statusnya

Sama seperti metode beliau dalam menilai *tafarrud* perawi *Majhūl*, Aḥmad ibn Ḥanbal turut menilai *Munkar* hadis yang diriwayatkan secara *tafarrud* oleh perawi yang diperselisihkan statusnya namun sering melakukan kesilapan. Contohnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh ‘Alī ibn Mas‘adah (al-Maqdisī 1998):

أخبرني عَصْمَةُ: نا حَبْلٌ: حَدَّثَنِي أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: نا زَيْدُ بْنُ حُبَابٍ: حَدَّثَنِي عَلِيُّ بْنُ مَسْعَدَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ". قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: هَذَا حَدِيثٌ مُنْكَرٌ.

[Aḥmad ibn Ḥanbal, *Musnad Aḥmad, Musnad Anas ibn Mālik*, no. hadis: 13049; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Abwāb ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā‘iq wa al-Wara‘*, no. hadis: 2499; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah, Bab Dhikr al-Tawbah*, no. hadis: 4251, hadis *da‘if*]

Maksudnya:

‘Ismah mengkhabarkan kepada saya, Ḥanbal mengkhabarkan kami, Abū ‘Abd Allah memberitahu kepada saya, Zayd ibn Ḥubāb mengkhabarkan kepada kami, ‘Alī bin Mas‘adah memberitahu kepada kami daripada Qatādah daripada Anas, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak-anak Adam itu melakukan kesalahan. Sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan ialah orang yang sering melakukan taubat.” Abu ‘Abd Allah berkata: “Hadis ini munkar”.”

Ibn Ma‘īn menilai ‘Alī ibn Mas‘adah sebagai *ṣāliḥ* (al-Dhahabī 1995), namun Abū Dawūd (1983) menilainya sebagai perawi yang lemah. Menurut Ibn ‘Adī (1997) hadis-hadisnya daripada Qatādah semuanya tidak *maḥfūz*. Ibn Hibbān (2000) pula berkata: “*Beliau sering melakukan kesilapan meskipun memiliki periwatan yang sedikit dan beliau sering bersendirian meriwayatkan hadis yang tiada sokongan riwayat lain.*” Jadi, jelas berdasarkan penilaian di atas bahawa riwayat ‘Alī bin Mas‘adah tidak dapat diterima kerana beliau merupakan seorang perawi yang sering melakukan kesilapan. Beliau telah bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada Qatādah. *Tafarrud* ini dihukum *Munkar* kerana Qatādah merupakan seorang perawi yang masyhur dan memiliki murid yang ramai namun tiada muridnya yang lain turut meriwayatkan hadis ini. Justeru, ini menimbulkan keraguan terhadap ketepatan riwayat ini.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, Ahmad ibn Hanbal tidak mengiktiraf kewujudan hadis-hadis *tafarrud* yang telah diriwayatkan oleh seseorang perawi apabila bertentangan dengan riwayat *Mahfuz*. Contohnya ialah hadis mengenai *Qaylulah* (al-Maqdisi 1998):

سَأَلْتُ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ: أَتَعْرِفُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: "قِيلُوا، فَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَا تَقْبَلُ؟". فَقَالَ: لَا أَعْرِفُهُ؛ إِنَّمَا هَذَا: عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ عُمَرَ.

[Al-Asbahānī, *al-Ṭibb al-Nabawī, Bāb Awqāt al-Nawm al-Mahmūdah wa al-Makrūhah*, no. hadis: 151, hadis *ḍa'if*]

Maksudnya:

Saya bertanya kepada Abū 'Abd Allah: "Adakah kamu mengetahui daripada Nabi SAW bahawasanya baginda bersabda: "Lakukanlah *Qaylulah*. Sesungguhnya syaitan-syaitan tidak melakukan *Qaylulah*?" Beliau menjawab: "Saya tidak mengetahuinya. Sesungguhnya hadis ini diriwayatkan daripada Mansūr daripada Mujāhid daripada 'Umar".

'Imrān ibn Dawar al-Qaṭṭān telah bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini daripada Qatādah daripada Anas secara *Marfū'*. Beliau telah dihukumkan *ḍa'if* oleh Yahyā ibn Ma'īn, Abū Dawūd dan al-Nasā'ī (al-Dhahabī 2004), manakala Ibn Hajar (2000) menyimpulkan beliau sebagai *ṣadūq yahim*. Menurut al-Dāraqutnī (1984) 'Imrān al-Qaṭṭān banyak melakukan kesilapan dan periwayatannya juga sering bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi lain. Riwayat *tafarrud* 'Imrān al-Qaṭṭān ini telah bertentangan dengan apa yang telah diriwayatkan oleh Mansūr secara *Mawqūf* kepada 'Umar yang mana menurut Ahmad ibn Hanbal adalah riwayat yang betul sekalipun sanadnya terputus antara Mujāhid daripada 'Umar. Oleh kerana itu, Ahmad ibn Hanbal menolak riwayat 'Imrān al-Qaṭṭān dan secara tidak langsung, beliau tidak mengiktiraf kewujudan hadis *Qaylulah* secara *Marfū'* melalui kata-katanya "*Lā A 'rifhu*" (saya tidak mengetahuinya).

#### 4.4 Hadis tafarrud yang terdapat ziyādah

Salah satu perbincangan yang berkait rapat dengan *tafarrud* ialah permasalahan *ziyādah* (tambahan) yang terdapat dalam periwayatan perawi *maqbul*. Tambahan tersebut mengambil hukum *tafarrud* apabila tiada perawi lain yang menyokong periwayatan lafaz tambahan tersebut. Dalam menyingkapi hadis-hadis yang mengandungi *ziyādah* seperti ini, sama ada dalam sanad ataupun matan, Ahmad ibn Hanbal tidak bermudah-mudah dalam menerimanya. Sebaliknya pendirian beliau ini adalah sama sepertimana penerimaan beliau terhadap *tafarrud thiqah* iaitu beliau menerimanya selepas memastikan ketiadaan *'illah*. Hal ini jelas dapat dilihat pada komentar beliau terhadap hadis yang telah diriwayatkan oleh Ishāq ibn Manṣūr (al-Maqdisi 1998):

أخبرنا الدورِيُّ: ثنا إسحاق بن منصور: ثنا إسرائيل، عن سيماء، عن جابر بن سمره، قال: "جاءني بماعزٍ إلى النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وهو متكئٌ على وسادةٍ على يساره". فحدثتُ به يحيى بن معين، فجعل يعجبُ منه، وقال: ما سمعتُ قطُّ: "على يساره" إلا في حديثِ إسحاقَ هذا. وحدثنا به وكيعٌ، عن إسرائيل، ولم يذكر: "على يساره".

[Ahmad bin ibn Hanbal, *Musnad Ahmad, Musnad Jābir ibn Samurah*, no: 20911; Abū Dawūd, *Sunan Abū Dawūd, Bab fī al-Firasy*, no. hadis: 4143; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Bāb Mā Jā'a fī al-Ittikā'*, no. hadis: 2770, hadis *ḍa'if*]

Maksudnya:

Al-Dūrī mengkhabarkan kepada kami: Ishāq ibn Manṣūr memberitahu kepada kami, Isrā'īl memberitahu kepada kami, daripada Simāk daripada Jābir ibn Samurah, beliau berkata: "Didatangkan Mā'iz kepada Nabi SAW sedang baginda bersandar pada bantal di sebelah kirinya." Saya memberitahunya kepada Yahyā ibn Ma'īn lalu beliau terkejut mendengarnya. Beliau berkata: "Saya tidak pernah mendengar sekalipun "di sebelah kirinya" melainkan dalam hadis Ishāq sahaja. Waki' telah memberitahu hadis ini kepada kami daripada Isrā'īl, beliau tidak menyebutkan "di sebelah kirinya".

Ishāq ibn Mansūr al-Salūlī merupakan salah seorang perawi *al-Shāḥiḥayn* dan al-Dhahabī (2003) menilainya seorang yang *thiqah*. Beliau telah bersendirian meriwayatkan hadis ini daripada Isrā'īl dengan penambahan lafaz “*di sebelah kirinya*”. Manakala murid-murid Isrā'īl yang lain telah meriwayatkan hadis ini tanpa penambahan lafaz tersebut. Al-Tirmidhī (2011) berkata: “*Ramai perawi telah meriwayatkan daripada Isrā'īl daripada Simāk daripada Jābir ibn Samurah, beliau berkata: “Saya melihat Nabi SAW bersandar pada bantal” tanpa menyebutkan “di sebelah kirinya*”.

Berdasarkan perbincangan antara Aḥmad ibn Ḥanbal dan Yaḥyā ibn Ma‘īn di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa mereka berdua telah menolak riwayat Ishāq ibn Mansūr yang terdapat *ziyādah* “*di sebelah kirinya*” meskipun beliau merupakan seorang perawi yang *Thiqah*. Reaksi Yaḥyā ibn Ma‘īn yang terkejut dengan riwayat tersebut lalu menyebutkan riwayat lain yang lebih tepat menunjukkan mereka menolak penambahan hadis tersebut. Riwayat tersebut dihukum lemah kerana *ziyādah* tersebut hanya terdapat dalam hadis Ishāq dan tidak terdapat dalam riwayat perawi-perawi lain meskipun mereka meriwayatkan daripada guru yang sama. *Tafarrud* Ishāq dengan *ziyādah* tersebut menjadi *qarīnah* akan kewujudan ‘illah pada hadis tersebut. Begitu juga hadis yang telah diriwayatkan daripada Abū Hilāl (al-Maqdisī 1998):

قال الأثرم: قلت لأبي عبد الله: أيعفظ عن أبي هلال، عن قتادة، عن سعيد، عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم: "إذا بُويع لخليفتين؟". قال: هذا مُرسَلٌ عن سعيد بن المسيّب، عن النبي صلى الله عليه وسلم؛ حدثنا عفان، عن همام، عن قتادة، عن سعيد بن المسيّب، عن النبي صلى الله عليه وسلم. وأبو هلال مُضْطَرَبُ الْحَدِيثِ عَنْ قَتَادَةَ. وهذا إنما أُسْنَدُوهُ، عَنِ الْجُرَيْرِيِّ، عَنِ أَبِي نَضْرَةَ، عَنِ أَبِي سَعِيدٍ مِنْ حَدِيثِ خَالِدٍ، لَا يَرَوِيهِ غَيْرُهُ. قلت: فإنهم يقولون: سَمَاعٌ خَالِدٍ بَعْدَ الْإِحْتِلَاطِ. قال: لا أدري.

[al-Bazzār, *Musnad al-Bazzār*, *Musnad Abū Ḥamzah Anas ibn Mālik*, no. hadis: 7799, hadis *da‘īf*]

Maksudnya:

*Al-Athram* berkata: Saya bertanya kepada Abū ‘Abd Allah: “Adakah kamu pernah mengetahui hadis daripada Abū Hilāl daripada Qatādah daripada Sa‘īd daripada Abū Hurayrah daripada Nabi SAW: Apabila dibaiatkan dua khalifah?” Beliau berkata: “Hadis ini Mursal daripada Sa‘īd ibn al-Musayyib daripada Nabi SAW. ‘Affān memberitahu kepada kami daripada Hammām daripada Qatādah, daripada Sa‘īd ibn al-Musayyib daripada Nabi SAW.” Abū Hilāl adalah seorang yang Muḥtarib al-Hādith daripada Qatādah. Hadis ini mereka telah menyandarkannya daripada al-Jurayri, daripada Abū Nadrah daripada Abū Sa‘īd dari kumpulan hadis Khālid, tiada yang meriwayatkannya selain dia. Saya berkata: “Sesungguhnya sebahagian ulama berkata: Khālid mendengar hadis ini selepas Ikhtilāf.” Beliau berkata: “Saya tidak mengetahui”.

Abū Hilāl atau nama sebenarnya Muḥammad ibn Sulaym al-Baṣrī telah diperselisihkan mengenai statusnya. Abū Dawūd telah menilainya sebagai seorang perawi yang *thiqah* manakala Yaḥyā ibn Ma‘īn pula menilainya sebagai *ṣadūq*. Al-Bukhārī (al-Jurjānī 1997) pula menceritakan bahawa Yaḥyā al-Qaṭṭān tidak meriwayatkan hadis daripada beliau namun sebaliknya Ibn Mahdī meriwayatkan daripadanya. Hal ini menunjukkan bahawa Yaḥyā dan Ibn Mahdī telah berbeza pandangan mengenai status Abū Hilāl. Al-Dhahabī (2005) pula menyenaraikan beliau antara perawi yang dikritik namun sebenarnya *thiqah*. Secara umumnya, beliau bukanlah seorang perawi yang *da‘īf*.

Menerusi hadis ini, Aḥmad ibn Ḥanbal telah menolak periwayatan Abū Hilāl yang telah bersendirian menambahkan seorang perawi iaitu Abū Hurayrah ke dalam sanad hadis tersebut. Hal ini adalah kerana menurut beliau hadis yang *Mahfūz* ialah secara *Mursal* iaitu apa yang telah diriwayatkan oleh ‘Affān daripada Hammām daripada Qatādah daripada Sa‘īd ibn al-Musayyib. Apatah lagi Abū Hilāl didapati sering silap dalam meriwayatkan hadis-hadis daripada Qatādah. Oleh itu, dapat dihukumkan bahawa Abū Hilāl telah tersilap dalam penambahan Abū Hurayrah dalam periwayatan ini. Daripada perbincangan ini juga, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tidak semua riwayat yang bersambung dan *Marfū‘* adalah *Mahfūz* apabila dibandingkan kepada hadis yang *Mursal*. Terkadang hadis yang *Mursal* adalah *Mahfūz* sekalipun terdapat perawi yang gugur.

## 5. Kesimpulan

Perkembangan kajian hadis semasa membuka wacana perbincangan ilmu kritikan hadis dengan lebih meluas. Antara perkara yang hangat dibincangkan dalam wacana semasa ialah metodologi ahli hadis *mutaqaddimīn* dan *muta'akhhirīn* dalam menilai dan menerima hadis *tafarrud*. Selepas mengamati metodologi Ahmad ibn Hanbal dalam menilai dan menerima hadis-hadis *tafarrud*, pengkaji mendapati Ahmad ibn Hanbal menggunakan pendekatan yang sangat berhati-hati dan menumpukan perhatian kepada kewujudan *qarā'īn* dalam hadis tersebut. Terdapat beberapa kesimpulan yang dapat diambil daripada pendekatan tersebut. Pertama, dalam menilai *tafarrud* dan *ziyādah* perawi *thiqah*, Ahmad ibn Hanbal dilihat sangat selektif. Hadis-hadis tersebut mestilah bebas daripada sebarang *qarīnah* yang menunjukkan keberadaan *'illah* untuk diterima. Sekiranya terdapat *qarīnah* yang menunjukkan keberadaan *'illah*, beliau akan menghukum hadis tersebut sebagai *munkar* atau lemah meskipun ianya diriwayatkan oleh perawi *thiqah* dan mempunyai *shawāhid* lain yang *ṣahīh*. Kedua, beliau akan menghukum lemah *tafarrud* yang diriwayatkan oleh perawi yang lemah. Kelemahan perawi tersebut sama ada disebabkan oleh *majhūl*, sering melakukan kesilapan atau hafalan yang lemah menjadi *qarīnah* kepada kewujudan *'illah* pada hadis tersebut. Pendekatan ini juga diamalkan terhadap perawi-perawi yang diperselisihkan statusnya.

## Rujukan

- al-Aṣbahānī, A. A. (2003). *Hilyah al-Awliyā' Wa Tabaqāt al-Asfiyā'*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Aṣbahānī, A. A. (2006). *al-Tibb al-Nabawī*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- al-'Asqalanī, A. A. (1989). *Nuzhah al-Albāb fī al-Alqāb*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-'Asqalanī, A. A. (2000). *Taqrīb al-Taḥzīb*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- al-Bayhaqī, A. H. (2003). *Shu'ab al-Īmān*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-Bustī, M. H. (2000). *al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn wa al-Du'afā' wa al-Matrūkīn*. Riyadh: al-Samī'ī.
- al-Daqqār, A. (1999). *Aḥmad ibn Hanbal Imām Ahl al-Sunnah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Dāraquṭnī, A. U. (1984). *Su'alāt al-Hākim al-Naysabūrī lī al-Dāraquṭnī*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Dhahabī, M. A. (1995). *Mizān al-'Itidāl Fī Naqd al-Rijāl*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Dhahabī, M. A. (2004). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dawliyah.
- al-Dhahabī, M. A. (2005). *Man Tukullim fih wa Huwa Mawthūq aw Ṣālih al-Hadīth*. Madinah: t.pt.
- al-Dhahabī, M.A. (2003). *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhūr wa al-A'lām*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islamī.
- al-Farāhidī, K. A. (t.th). *Kitab al-'Ayn*. Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilāl.
- Hamām, A. J. (2008). *Al-Tafarrud fī Riwayat al-Ḥadīth wa Manhaj al-Muḥaddithīn fī Qabūlih aw Raddih*. Damsyik: Dār Al-Nawādir.
- al-Hanbalī, A. R. (2014). *Sharh 'Ilal al-Tirmidhī*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Haythamī, A. A. (1979). *Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Indūnīsī, L. H. (2018). *Imdād al-Mughīth bi Tashīl 'Ulūm al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Ṣālih
- al-Jawzī, A. A. (1988). *Manāqib al-Imām Aḥmad*. Kaherah: Dār al-Hajr.
- al-Jawzī, A. A. (2004). *Ṣayd al-Khātir*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Jurjānī, A. A. (1997). *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Kāfī, A. T. (2005). *Manhaj al-Imām Aḥmad ibn Hanbal fī al-Ta'lil wa Atharuh fī al-Jarḥ wa al-Ta'dil min khilal kitabih al-'Ilal wa Ma'rifat al-Rijāl*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- al-Lāhim, I. A. (t.th). *Tafarrud al-Thiqah bi al-Ḥadīth*. (Dalam Talian). Capaian dari: <http://www.ahlalhdceeth.com/vb/showthread.php?t=783> (Akses 29/8/2019).
- al-Malyabārī, H. A. (2001). *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhhirīn fī Taṣḥīḥ al-Ḥadīth wa Ta'līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- al-Maqdisī, A. Q. (1998). *Al-Muntakhab Min al-'Ilal li al-Khallāl*. Riyadh: Dār al-Rāyah.
- al-Mizzī, Y. A. (1980). *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Mohd, A. Y. (2019). Manhaj sarjana hadis dalam menentukan *'illah* dalam periwatyan *al-tafarrud*: kajian perbandingan antara sarjana *mutaqaddimīn* dan *muta'akhhirīn*. *Journal of Hadis Studies*. 4, 1-12.
- al-Naḥḥās, I. (2009) *al-Jāmi' li 'Ulūm al-Imām Aḥmad*. Mesir: Dār al-Falāh.
- al-Naysabūrī, M. H. (2003). *al-Musnad al-Ṣāḥīḥ al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūl Allah Sallā Allah 'alaihī wa Sallam*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī.
- al-Qazwīnī, A. F. (1979). *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-Qazwīnī, M. Y. (t.th). *Sunan Ibn Mājah*. Aleppo: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Shawkānī, M. A. (1995). *al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥadith al-Mawḍū'ah*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Ṣuyūṭī, J. (t.th). *Alfiyah al-Ṣuyūṭī fī 'Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyah.



Published biannually by:  
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Email: [jurnalhadis@kuis.edu.my](mailto:jurnalhadis@kuis.edu.my)  
Web: [www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/](http://www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/)  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279  
**Vol. 10, No. 20 (December, 2020)**

- al-Sijistānī, S. A. (1983). *Su'alāt Abī 'Ubayd al-Ajurrī Abā Dawūd al-Sajistānī fī al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Madinah: 'Imādah al-Bath al-Ilm bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah.
- al-Sijistānī, S. A. (2009). *Sunan Abū Dawūd*. Damsyik: Dār al-Risālah al-'Ālamīyah
- al-Shaybānī, A. H. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Shaybānī, A. H. (2001). *Al-'Ilal wa Ma'rifat al-Rijāl*. Riyadh: Dār al-Khānī.
- al-Tirmidhī, M. I. (2011). *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Umar, B. A. (2005). *Manāhij al-Imām Aḥmad fī I'lal al-Ḥadīth*. Riyadh: Waqf al-Salām al-Khayrī.
- Umar, M. N. (2016). Aliran *ihya'* manhaj al-*mutaqaddimīn* dan pembaharuan wacana kritik hadis moden. *Jurnal Hadis*. 6, 49-65.